



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
19 Jun 2019 (RABU)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	KONSPIRASI DIDALANGI 'ORANG DALAM'
MUKA SURAT	8

KES VIDEO LUCAH KAITKAN MENTERI

Konspirasi didalangi 'orang dalam'

➔ Azmin yakin perbuatan sebar video ada agenda politik

Oleh Rafidah Mat Ruzki, Irwan Shafrizan Ismail dan Syalikhah Sazili
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yakin konspirasi untuk mencemar dan menjatuhkannya melalui penyebaran beberapa klip video seks, dilakukan 'orang dalam'. Ditanya jika beliau yakin ia perbuatan 'orang dalam' susulan 'kehilangan' seorang pemimpin PKR sebuah negeri, Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu menegaskan, beliau sejak awal lagi yakin perbuatan itu adalah agenda politik pihak tertentu.

Ketika ini, katanya, masyarakat juga sudah dapat menilai siapa dalang di sebalik penyebaran video berkenaan kira-kira seminggu sele-

pas umat Islam menyambut Aidilfitri, bertujuan menyekat kemaraan prestasinya dalam kerajaan dan politik.

"Biarlah polis siasat, tidak adil jika kita buat kenyataan boleh dilihat mengganggu siasatan. Biar rakyat buat hukuman, sekarang pun sudah terbukti semakin kuat membayangkan pihak yang terlibat dalam konspirasi dan tohmahan ini," katanya, semalam.

Beliau sebelum itu menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Hak Pembangunan di antara Konsortium PNSB Construction Sdn Bhd dan MGB Berhad dengan Must Ehsan Development Sdn Bhd (usaha sama anak syarikat milik penuh Encorp Berhad dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, di sini.

Yang turut hadir Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin; Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari;

ISI PEMILIKAN KEDJAJAN MENTERI
JILIS MENANDATANGANI PERJANJIAN
19 JUN 2019



Mohamed Azmin bersama Zuraida, Amirudin menyaksikan pertukaran dokumen antara Jaafar (empat dari kiri) dengan Ahmad pada Majlis Menandatangani Perjanjian Hak Pembangunan, di Shah Alam, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Datuk Mohd Azizi Mohd Zain; Pengarah Urusan Kumpulan MGB Berhad, Tan Sri Lim Hock San; Pengerusi Must Ehsan Development Sdn Bhd, Datuk Jaafar Abu Bakar dan Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad, Datuk Seri Ahmad Omar.

Buat laporan qazaf

Media semalam melaporkan kehilangan seorang Pengerusi PKR sebuah negeri, menambah misteri kepada penyebaran klip video seks dikaitkan dengan Mohamed Azmin terutama selepas individu itu gagal menghadiri sambutan Aidilfitri PKR, baru-baru ini.

Mengulas laporan media Australia yang mengesahkan klip video terbabit tidak diubah secara digital, beliau berkata, apa pun kenyataan dikeluarkan mana-mana pihak dan

individu ketika ini adalah tidak adil kerana siasatan sedang dijalankan polis.

Kepada desakan membuat sumpah laknat, Mohamed Azmin berkata, beliau sudah membuat laporan qazaf dan mahu prosesnya berjalan.

Di Putrajaya, peguam beliau, N Surendran dalam satu kenyataan, berkata Mohamed Azmin sudah memberi keterangan kepada polis kelmarin menghubungkan penyebaran video berkenaan.

Mendakwa ada tanda jelas serta usaha teratur dan sistematik untuk menjatuhkan anak guamnya menerusi serangan palsu dan berniat jahat, beliau berkata, pelaku perbuatan itu mempunyai akses kepada data peribadi ahli parti (PKR) dan jelas ada agenda politik.

Dalam perkembangan berkaitan, Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata tidak wajar bagi Moha-

med Azmin menambah satu lagi tuduhan bahawa penularan video terbabit mungkin didalangi ahli parti.

Katanya, dakwaan pembabitan 'orang dalam' di sebalik penularan video berkenaan adalah 'tuduhan yang biasa' dan berharap polis diberi ruang menjalankan siasatan.

"Beri kerjasama kepada polis menjalankan siasatan tanpa gangguan, bukannya dalam bentuk buat atau melayan tuduhan baharu. Sebaiknya-baiknya kita fokus dengan isu ini dengan tidak kemudiannya menyebut satu lagi tuduhan atas satu tuduhan sedang dihadapi.

"Satu tuduhan tidak boleh dibaiki dengan satu lagi tuduhan. Ia seolah-olah tiada kebijaksanaan di situ," katanya ketika ditemui media pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Pembangunan Industri Kewangan Malaysia (MIDF) di ibu negara, semalam.

(FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH)

AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MBPJ ANJUR SEMINAR SPM BANTU MASYARAKAT
MUKA SURAT	16 (SCORE)

MBPJ anjur Seminar SPM bantu masyarakat

Petaling Jaya: Sambutan menggalakkan daripada peserta setiap kali penganjuran Seminar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) oleh BH dan keberkesanan penyampaian ilmu penceramah pada program itu mendorong Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskannya pada tahun ini.

Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Komuniti

dan Pembangunan Modal Insan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ, Puan Nor'ain Adam, berkata saban tahun, program itu berjaya menawarkan ilmu bermanfaat kepada peserta dari aspek meningkatkan pemahaman mereka terhadap mata pelajaran.

Beliau berkata, pihaknya menjalinkan kerjasama dengan BH sebagai menjaya-

kan tanggungjawab sosial kerajaan tempatan itu dalam meningkatkan pencapaian bidang pendidikan generasi muda di kawasan sekitar.

Katanya, program itu adalah cara MBPJ menyumbang kepada masyarakat bukan hanya dari segi pentadbiran dan sikap komited membangunkan bandar ini, tetapi juga termasuk pendidikan.

"Selain mengadakan seminar untuk calon SPM melalui Seminar SPM BH Skor, kami turut bekerjasama dengan BH dalam menganjurkan Seminar Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) BH Minda dan Seminar Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) BH Didik.

Tingkatkan prestasi

"Peserta program ini terdiri daripada pelajar lapan sekolah angkat MBPJ dan sebahagiannya pelajar sekolah lain yang memiliki latar belakang keluarga susah serta penduduk yang mendiami perumahan kos rendah," katanya.

Bagi memperkasakan usaha penambahbaikan prestasi akademik pelajar, Puan Nor'ain berkata, MBPJ juga memperuntukkan RM2,000 setiap bulan kepada setiap sekolah angkat itu sepanjang lapan bulan untuk pihak pentadbiran mengadakan aktiviti dan program bermanfaat.

Sementara itu, pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) (P) Taman Petaling, Regina



Regina Ann



Puan Nor'ain Adam

kehadiran saya ke program ini," kata pelajar Sains Tulen yang turut mengulang kaji menggunakan kertas soalan tahun sebelumnya dan media sosial.

Pelajar SMK Bandar Utama Damansara (2), Irfan Hakimi Dzulkhairi, 17, berkata kehadiran ke seminar itu bagi menambah ilmu sebagai persediaan menduduki SPM.

"Hasil mengikuti pengajaran penceramah, banyak asas matematik mudah yang boleh saya praktikkan untuk menjawab soalan dengan senang dan tepat, selain meningkatkan pengetahuan cara menjawab mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris," katanya.

info

Seminar SPM BH anjuran MBPJ

- 150 peserta
- 8 sekolah

Ann Thaveethu, 17, berkata pendedahan diperolehnya pada seminar itu cukup bermanfaat, antaranya panduan melakukan pengiraan mudah menggunakan kalkulator.

"Penyampaian penceramah juga jelas dan mudah difahami, memang berbaloi



Peserta tekun mendengar perkongsian ilmu disampaikan penceramah Bahasa Inggeris.



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	500 RUMAH UNTUK WARGA FELDA
MUKA SURAT	69

500 rumah untuk warga FELDA

➔ Peruntukan pertama kali Kerajaan Selangor bantu miliki rumah

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

► Shah Alam

Sebanyak 500 unit rumah akan ditawarkan kepada peneroka dan generasi baharu FELDA di Selangor.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata projek itu adalah usaha sama antara pemaju Encorp Berhad dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui projek pangsapuri Idaman Cahaya di bandar raya ini.

Katanya, peruntukan itu pertama kali dilakukan kerajaan negeri iaitu sebahagian dari-

pada dasar kerajaan Selangor membantu golongan berkenaan untuk memiliki kediaman sendiri pada harga jualan bersih RM250,000 setiap unit.

Katanya, perkara itu dapat direalisasikan berikutan FELDA mempunyai 70 peratus kepentingan dalam Encorp Berhad.

“Projek pangsapuri ‘Idaman Cahaya’ kerana kerjasama PKNS dengan (anak syarikat) Encorp, (Must Ehsan Development Sdn Bhd) yang sebahagiannya ada kepentingan FELDA, kita akan siapkan 500 unit yang khas untuk dimiliki oleh peneroka FELDA dan anak peneroka.

“Sebanyak 100 unit lagi untuk Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri Selangor (LPHS) untuk program ‘Smart Sewa’ dan Dana-Sel yang berada bawah Pentadbiran Kerajaan Selangor,” katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian hak pembangunan antara Konsortium PCSB-MGB dengan Must Ehsan Development Sdn Bhd di Dewan

Jubli Perak, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin.

Perjanjian hak pembangunan itu ditandatangani oleh Pengerusi Must Ehsan Development Sdn Bhd, Datuk Jaafar Abu Bakar dengan Konsortium PCSB-MGB (terdiri daripada PNSB Construction Sdn Bhd dan MGB Berhad) yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Datuk Seri Ahmad Omar.

Siap 2024

Amirudin berkata, Kerajaan Selangor bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana anak syarikat FELDA pada masa depan bagi membina lagi kediaman untuk ditawarkan kepada peneroka dan generasi muda peneroka FELDA.

Pada masa sama, Amirudin berkata, pengenalan projek rumah pangsapuri mampu milik ‘Idaman Cahaya’ menawarkan

unit kediaman berkeluasan 92 meter persegi (1,001 kaki persegi) mempunyai tiga bilik tidur, dua bilik mandi, balkoni, ruang halaman dapur serta dua lot tempat letak kereta.

Keseluruhan projek mempunyai sebanyak 1,800 unit rumah dijangka dibina mulai awal tahun depan dengan fasa pertama dijangka siap pada 2024.

Beliau berkata, ia dikategorikan sebagai ‘rumah idaman’ kerana setiap unit kediaman akan dilengkapi pendingin hawa, almari pakaian, kabinet dapur, kabinet televisyen berserta televisyen, peti sejuk dan pemanas air mandi.

Katanya, kerajaan negeri menyasarkan antara 5,000 hingga 6,000 unit dibina tahun ini namun ia bukan bermakna akan berlaku pertukaran dasar perumahan di Selangor dengan hanya membina kediaman berharga RM250,000, sebaliknya kebanyakan rumah berkenaan adalah langkah penyelesaian kepada beberapa isu tertangguh.

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	EXCO ARAH TIDAK GUNA BAHASA MELAYU - MDKL
MUKA SURAT	8

Exco arah tidak guna bahasa Melayu - MDKL

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LANGAT 18 JUN

MAJLIS Daerah Kuala Langat (MDKL) memaklumkan pemasangan papan tanda jalan dalam bahasa Cina di Tanjong Sepat dibuat atas arahan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian pada 2016.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A. Hamid berkata, pemasangan papan tanda bertulisan Cina itu berikutan terdapat tuntutan supaya tulisan tersebut turut digunakan di ka-

wasan Kampung Baru Jenjarom dan Tanjong Sepat.

“Kita memang mengetahui tentang terdapatnya papan tanda jalan bertulisan Cina ini kerana majlis (MDKL) sendiri yang memasanginya.

“Bagaimanapun, kita tidak mahu mengulas lanjut berhubung perkara tersebut kerana ia melibatkan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan hampir keseluruhan papan tanda jalan di kawasan pekan Tanjong Sepat di sini ditulis dalam bahasa Cina sedang-



MOHAMAD ZAIN A. HAMID

kan titah Sultan Selangor pada tahun lalu adalah hanya bahasa Melayu sahaja boleh digunakan.

Mengulas lanjut, Mohamad Zain berkata, pihaknya telah dihubungi Pejabat Menteri Besar Selangor berhubung perkara tersebut.

“Buat masa ini, kita menunggu arahan daripada kerajaan negeri untuk tindakan lanjut sama ada untuk menukarkan papan tanda berkenaan atau macam mana,” ujarnya.

Dalam pada itu, Pejabat Menteri Besar Selangor ketika dihubungi dengan ringkas memaklumkan pihaknya akan meneliti isu berkenaan.

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	AZMIN CONVINCED VIDEO CLIPS 'AN INSIDE JOB'
MUKA SURAT	10

Azmin convinced video clips 'an inside job'

SHAH ALAM: PKR deputy president Datuk Seri Azmin Ali believes the sex video clips implicating him are an inside job from the party.

"I am convinced," he said twice, when asked if the move was orchestrated by someone within the party.

"This followed a news report on the disappearance of a state PKR leader, who is said to have connections in the Philippines, after the video clips were spread on social media."

Without naming anyone, Azmin said he had been confident from the beginning that the controversy was a political agenda played up by certain quarters.

"It is aimed at stopping my advancement and performance in government and politics."

"I am confident that the people can see who is the culprit behind this episode."

"I feel it's best that the rakyat decide on the matter."

"It is proven that the perception to foresee who is involved in this conspiracy and slander is growing stronger."

Azmin, who is economic affairs minister, said this after witnessing the signing of a development right agreement between PCSB-

MGB Consortium and Must Ehsan Development Sdn Bhd to build affordable homes in Encorp Cahaya Alam here.

Present were Selangor Menteri Besar Amirudin Shari and Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin.

Asked to comment on an article by Australian media organisation, SBS News, which reported that the sex video clips were not digitally altered, Azmin said it was wicked and cruel gutter politics. He said it was inappropriate for anyone to comment on the video clips as police were investigating the case.

"Any statement issued by an individual or any parties now is unfair because the investigation is ongoing."

"I have made some efforts to clear my name, apart from lodging the *qazaf* report, a police report and others as advised by my lawyers."

"If there are any irresponsible parties making statements like that, it can be seen as disturbing the investigation process."

Asked on the call for him to make *sumpah laknat* (swear that he is telling the truth or face damnation), Azmin said that was why a *qazaf* report was made.

HUSI PEMILIKAN KEDIAMAN TERUNGGU
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN
19 JUN 2019



Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali (right) witnessing the signing of a development right agreement between PCSB-MGB Consortium and Must Ehsan Development Sdn Bhd in Shah Alam yesterday. With him are Selangor Menteri Besar Amirudin Shari (second from left) and Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin (left). PIC BY ROSLIN MAT TAHIR

"There is a process, so let it take its course."

"It was done based on my lawyer's advice and those who had given their views on the matter. We should allow the investigation to proceed, and not interfere with it with statements or put pressure on those who are tasked with carrying out the probe."

Azmin's lawyer, N. Surendran, in a statement confirmed that a Gombak federal lawmaker had, on Monday, given his statement to the police over the sex video.

Surendran said this was related to the investigation resulting from the police report lodged by

Azmin's political secretary, who had called for a probe into the circulation of the video clips.

"The video clips are slanderous and politically motivated to attack Azmin."

"The minister's office had been contacted by police on Sunday to record his statement as part of their investigation. Prioritising the matter, yesterday (Monday), Azmin gave his statement to the police to assist them in their investigation," Surendran said.

He said there were signs of an organised and systematic attempt to discredit and bring down his client through the attack.

"The perpetrators had access to leaked personal data of party members, sophisticated means and a clear political agenda."

"We trust the police will get to the bottom of this and identify and take action against the culprits under the law."

Police are investigating the case under Sections 292 (sale of obscene material), 504 (intent to provoke breach of the peace) and 377B (carnal intercourse against nature) of the Penal Code, as well as Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998, for improper use of network facilities or network service.

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	RESIDENTS UP IN ARMS OVER ILLEGAL DUMPSITE
MUKA SURAT	4

By JADE CHAN and KANIMOLI MANIMARAN metro@thestar.com.my

Residents up in arms over illegal dumpsite

Apartment dwellers protest to have waste removed and action taken against culprits

RESIDENTS of Kinrara Mas Apartment in Bukit Jalil, Kuala Lumpur, say the unbearable stench and pollution from an illegal dumpsite on a neighbouring piece of land have drastically affected their lives.

They organised a protest to urge the authorities to remove the waste and take action against the culprits.

The residents claimed that rubbish had been dumped on the private land since March, and believed it included toxic waste because of foul smell emanating from the site.

Two residents, who only wanted to be known as Peter and Jimmy, claimed that many residents suffered asthma attack, diarrhoea and flu because of the unhygienic environment.

"Some have even moved out of their homes as they were unable to bear the foul smell just 5m from the nearest apartments," said Peter.

Another resident, who introduced herself only as Loh, said they could smell the stench even when they are indoors with all their windows and doors closed.

"We end up wearing masks even at home. The metal grilles and pipes have turned black and rusty. There must be some sort of toxic chemical reaction from the waste," she said.

A resident who wanted to be identified only as Heng, said both her daughters encountered health issues because of the pollution.

"My five-year-old was admitted to hospital about two months ago as she was coughing badly. The doc-

tors were unable to diagnose the exact cause," she said.

"One week after she was discharged, she fell sick again. Her health improved only after we moved temporarily to a friend's house."

She said her older daughter, who is six, suffered from a skin problem.

"Their medical problems would recur whenever we return home. We are staying in Puncak Jalil temporarily until the problem is resolved," she added.

Kinrara Mas Apartment working committee representative Vanessa Liew said numerous complaints were made to Kuala Lumpur City Hall (DBKL), Subang Jaya Municipal Council (MPSJ), Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation Sdn Bhd (SWCorp) and the Department of Environment (DOE).

"To-date, neither the landowner nor the authorities have removed the waste or addressed the pollution although the land is not a designated waste disposal site," she said.



Kinrara Mas Apartment residents holding a peaceful protest to highlight their plight. — AZLINA ABDULLAH/The Star

"There seems to be someone flattening the waste to level the ground rather than remove the rubbish."

"We are appealing to Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo

Bee Yin and Seputeh MP (Teresa Kok) to resolve our plight," said Liew.

"What the residents want is for all the waste to be immediately removed and disposed of, and

make sure there is no toxic materials there."

Another committee member, Gan Kian Yeap, claimed there has been three fires at the site.

"It took a while for the firefighters to put them out because they were underground fires."

An MPSJ spokesperson said the area fell under DBKL's purview, and that the council referred the matter to its counterpart.

DBKL Health and Environment Department said in a statement that the stench was due to leachate contamination and that the rubbish dumped on the 3.3ha site comprised domestic and construction waste.

"The land was also misused. The landowner appointed a contractor to level the site but the contractor carried out illegal waste disposal activities without the landowner's knowledge," the statement read.

"That resulted in leachate seeping underground and flowing to nearby housing areas. Our department, along with SWCorp and DOE's Kuala Lumpur offices, issued notices requiring immediate site clean-up works and a report submitted by May 28."

The statement also said the landowner cleaned up the dumpsite and leachate suctioned out, adding that SWCorp would continue to monitor the issue from time to time.

Meanwhile, Kok's secretary, Alice Lan, said officers from DBKL's Health and Environment Department would be asked to talk to the residents on the safety measures that should be taken to address the pollution, health hazards and other issues affecting them.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SELESAI 5,000 RUMAH TERBENGGKALAI
MUKA SURAT	20

Selesai 5,000 rumah terbengkalai

Kerajaan Persekutuan sasar selesai isu projek PGBF hujung tahun ini

NORAFIZA JAAFAR

SHAH ALAM

Idaman Cahaya, Encorp Cahaya Alam di sini.

"Felda mulakan inisiatif mengenal pasti projek terbengkalai PGBF seluruh negara. Tumpuan kita adalah di kawasan tanah rancangan Felda yang luas khususnya di Pahang, Perak, Johor dan Negeri Sembilan.

"Kita lihat kesesuaian usaha sama sekiranya ada pihak yang berminat menjalin kerjasama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan anak syarikat Felda dalam menyediakan perumahan kondusif kepada kumpulan ini," katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian rumah mampu milik, Rumah Idaman antara Konsortium PCSB-MGB dan Must Ehsan Development Sdn Bhd semalam.

Program bertempat di Dewan Jubli Perak, Ba-



Azmin (lima dari kanan) bersama Zuraida dan Amirudin bergambar bersama sebahagian kecil pembeli rumah Idaman Warisan yang diberikan sijil pemilikan unit yang dijangka siap hujung tahun ini.

ngunan Sultan Salahuddin turut dihadiri Menteri KPKT, Zuraida Kamaruddin; Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dan Ketua Pegawai Operasi Permodalan Negeri Selangor Berhad, Datuk Seri Ahmad Omar.

Dalam perkembangan sama, Azmin memuji ini-

siatif kerajaan negeri yang meneruskan usaha menyelesaikan projek terbengkalai melibatkan 203 unit rumah berkembar dua tingkat Idaman Warisan Puncak Alam.

"Usaha bermula 2016 iaitu setahun selepas saya dilantik menjadi Menteri Besar. Keputusan kolektif

dicapai untuk menyelesaikan masalah pembeli yang ditinggalkan pemaju selepas hampir dua dekad.

"Banyak serangan diterima oleh saya dan kerajaan negeri ketika itu namun dengan sikap telus dan terbuka projek diteruskan dan bakal disiapkan sebelum hujung tahun ini," katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri akan mengguna pakai skim perumahan diperkenalkan kementerian dalam usaha menyelesaikan isu pemilikan rumah dan pembiayaan.

"Daripada 1,800 unit projek Idaman Cahaya, 500 unit dikhaskan bagi peneroka felda dan 100 unit kepada Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) untuk program Smart Sewa dan Dana-Sel bagi B40.

"Ini inisiatif kerajaan negeri ingin membantu isu perumahan melibatkan peneroka Felda. Kita bersedia meneruskan kerjasama dengan anak syarikat Felda pada masa akan datang namun bergantung kepada lokaliti dan kesesuaian tanah," katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PENGALAMAN DATANG SETELAH JADI MB
MUKA SURAT	24

Pengalaman datang setelah jadi MB

Beri masa Amirudin bina gaya politik, pentadbiran sendiri

SHAH ALAM

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berjaya membuktikan kemampuan menerajui sebuah negeri yang besar meskipun tidak mempunyai pengalaman yang banyak dalam pentadbiran dan politik.

Penganalisis politik, Prof Madya Dr Ahmad Martadha Mohamed berpandangan penonjolan karektor tidak menjadi kayu pengukur terhadap kredibiliti Amirudin sebagai Menteri Besar Selangor.

"Hasrat kerajaan untuk ketengahkan orang muda sebagai pemimpin adalah perkara yang baik dan lantikan Amirudin amat dibanggakan apabila hasilnya dalam setahun pemerintahan, beliau masih meneruskan kejayaan negeri Selangor.

"Tidak banyak konflik atau isu besar yang melanda Selangor sepanjang setahun ini dan tiada kritikan dari dalam dan luar parti terhadap beliau membuktikan keupayaan dan kewibawaan beliau. Perkara ini patut diberi pujian," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Jelas beliau, Amirudin mungkin bukan seorang yang sukakan publisiti sehingga perlu sentiasa mendapat tempat di media namun paling penting adalah keupayaan untuk menerajui Selangor dengan jayanya.

"Isu-isu besar dapat diselesaikan dengan baik contohnya berkaitan air. Paling penting ia tidak menimbulkan masalah besar kepada masyarakat mahupun NGO," katanya.

Dalam masa sama, Dr Ahmad Martadha berkata sebagai sebuah pentadbiran negeri, penting untuk Amirudin meneruskan hu-

bugan baik dengan Istana. "Tanpa hubungan baik dengan Istana, Selangor akan menjadi seperti negeri lain yang bermasalah seperti yang pernah berlaku di Perak, Negeri Sembilan dan Johor. Selama ini isu seperti itu tidak berlaku di Selangor," katanya.

Dalam pada itu ada yang berpendapat kurang pengalaman serta karakter tidak menonjol, masih dilihat sebagai kelemahan yang perlu dibaiki oleh Amirudin walaupun sudah setahun beliau menerajui negeri Selangor.

Masih ramai yang membandingkan kredibiliti Amirudin dengan menteri besar-menteri besar Selangor terdahulu yang ternyata lebih dikenali, berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu.

Namun begitu, ada juga yang berpendapat tempoh setahun sangat singkat dan tidak adil untuk menilai pencapaian Amirudin termasuk membuat perbandingan dengan pemimpin terdahulu.

Penganalisis Sosiopolitik, Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (Umcedel), Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi berkata, Amirudin bukan tidak berkebolehan cuma beliau belum menonjol.

Beliau berkata, tidak wajar untuk semua orang membandingkan pencapaian Amirudin dengan menteri besar terdahulu seperti Datuk Mohamed Azmin Ali dan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kerana tempoh pentadbiran Adun Sungai Tua itu baru setahun jagung.

Menurutnya, jika perbandingan terus dibuat ia hanya akan menampakkan perbezaan umpama langit dengan bumi kerana ke-



AWANG



MD SHUKRI

dua-dua tokoh tersebut sangat berpengalaman dalam bidang politik dan ekonomi.

"Amirudin seorang pemimpin muda dan mempunyai banyak ruang dan peluang untuk belajar bagi memantapkan pentadbiran dan menambahkan pengalaman.

"Beri beliau masa untuk membina idionsinkrasi atau gaya politik beliau yang tersendiri," katanya.

Perlu tampil lebih agresif

Sementara itu, Penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia, Md Shukri Shuib berkata, selaku menteri besar di Selangor, Amirudin harus tampil lebih yakin serta agresif memimpin

kerajaan negeri.

Beliau berkata, Amirudin tidak boleh kelihatan pasif dan perlu tampil dengan idea serta gerak kerja yang lebih diyakini rakyat.

Menurutnya, populariti menteri besar penting dalam membawa imej serta sokongan dan keyakinan ramai.

"Keyakinan awam dan institusi adalah satu aspek terpenting bagi merencanakan hubungan baik antara pemimpin kerajaan dan masyarakat.

"Selangor perlu mencipta destini menyakinkan untuk mengekalkan imej negeri maju dan kebajikan," katanya.



Amirudin mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	REAKSI
MUKA SURAT	24

REAKSI



YB Amirudin seorang ketua negeri yang komited dan produktif. Beliau sering berbincang dan memberikan idea kepada exco sebagai contoh dalam portfolio ke Budaya dan pelancongan, YB Menteri Besar sering memberi idea untuk penambahbaikan pelancongan di Selangor." - Exco Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan Selangor, Datuk Abdul Rashid Asari



Alhamdulillah, Selangor terus maju dan makmur di bawah kepimpinan YAB Dato MB Selangor. Banyak pembaharuan diperkenalkan untuk menyusun pembangunan Selangor supaya lebih terpinpin melalui pendekatan kluaterisasi. Penumpuan dan sokongan kepada golongan belia menjadikan Selangor lebih ke hadapan dalam program belia." - Exco Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dan Pembangunan Modal Insan Selangor, Mohd Khairuddin Othman



Setahun pentadbiran Menteri Besar, Amirudin Shari berjaya menyelesaikan isu penstrukturan air dan fokus terhadap pelaburan masuk ke negeri ini. Di samping itu, beliau memberi tumpuan terhadap Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) kerana ada beberapa lawatan dibuat beliau dalam tempoh setahun untuk melihat kolej-kolej TVET di Jerman, selain memperkasa dan melonjak industri teknologi tinggi." - Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar Selangor, Haniza Mohamed Taiba



Menjelang Setahun Pimpinan Amirudin Shari sebagai Menteri Besar Selangor, saya merakamkan ucapan tahniah dan sekalung penghargaan terhadap sumbangan dan jasa beliau sepanjang setahun ini. Di bawah pimpinannya negeri Selangor terus kekal sebagai peneraju ekonomi dan pelbagai bidang. Semoga beliau dikurniakan kesihatan yang baik untuk terus memimpin negeri Selangor menuju ke sebuah negeri yang maju dan gemilang." - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han



Dasar 'from give to empowerment' pastinya kurang popular kepada MB, pastinya menjadi cabaran besar bila mana untuk menukar budaya dan mentaliti rakyat dari kekal menjadi penerima kepada jadi sebahagian rakyat berkebolehi menjana pendapatan dan berdikari melalui pendekatan program yang disejajarkan." - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	AMIRUDIN PEMIMPIN BERWIBAWA
MUKA SURAT	33

Amirudin pemimpin berwibawa

Berjaya tonjolkan diri sebagai pemimpin kerajaan yang berjaya



TENG CHANG KHIM



IZHAM



LAU WENG SAN



MOHD IMRAN

NUR FARHANA
ABDUL MANAN

SHSH ALAM

Meskipun belum setahun bergelar Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari disifatkan pemimpin berani dalam membuat keputusan meskipun apa yang diputuskan bukan keputusan popular.

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Selangor, **Datuk Teng Chang Khim** berkata, sejak mengangkat sumpah 19 Jun tahun lalu, Amirudin juga berjaya menonjolkan diri sebagai pemimpin kerajaan yang berjaya.

"Bukan senang untuk ada pemimpin sebegini kerana ia memerlukan keberanian untuk membuat perubahan jika ada perkara yang dilihat tidak betul selepas pelaksanaannya.

"Beliau juga banyak memperkenalkan program baru

merencanakan lagi program-program yang dilaksanakan sebelum ini di Selangor. "Tahniah dalam tempoh singkat dan di usia muda, beliau berjaya cipta kejayaan membanggakan," katanya. Sementara itu, Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, **Ir Izhah Hashim** berkata, Amirudin mengambil langkah tepat dalam meneruskan kecemerlangan Selangor melalui program pembangunan negeri dan kepedulian rakyat.

Menurutnya, pendekatan *teamwork* yang diadakan dalam pentadbiran kerajaan negeri berjaya menjalinkan hubungan yang baik dan produktif antara sesama exco, pihak istana serta pegawai kerajaan.

"Beliau juga menjadikan inisiatif Smart Selangor, pembangunan klusterisasi dan meningkatkan empowerment kepada rakyat, selain itu beliau

memberikan fokus kepada pembangunan negeri dan rakyat secara lebih holistik dan sistematik," katanya.

Dalam pada itu, ADUN Banting, **Lau Weng San** berkata, prestasi Amirudin memuaskan dan harus diberi pujian kerana berjaya menyelesaikan beberapa isu yang membelenggu rakyat Selangor dan Kuala Langat.

Ia katanya, termasuk isu penstrukturan semula industri perkhidmatan air Selangor dan pembinaan jejantas Bandar Saujana Putra.

"Corak pentadbiran beliau amat berbeza dengan menteri besar sebelum ini...Amirudin agak berani untuk melaksanakan beberapa dasar atau keputusan yang baik untuk jangka masa panjang meski tahu ia akan memberi kesan terhadap sokongan kepadanya pada jangka masa pendek.

"Antaranya ialah proses penjajaran semula semua program Inisiatif Peduli

Rakyat (IPR).

"Proses ini pastinya beri kesan kepada yang tidak layak tetapi perlu dilakukan untuk memantapkan prestasi ekonomi Selangor dan memastikan sumber kekayaan kerajaan dinikmati oleh mereka yang betul-betul memerlukannya," katanya.

ADUN Sungai Panjang, **Datuk Mohd Imran Tamrin** berkata, selepas setahun pentadbiran dilihat banyak perubahan dibuat Amirudin namun ia tidak memihak kepada rakyat.

"Jika sebelum ini pentadbiran PH di negeri Selangor lebih kepada membentuk sebuah kerajaan negeri berkebijakan, tetapi hari ini kerajaan ditadbir Amirudin banyak melakukan perubahan tidak popular dalam Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

"Tujuannya ingin mengagihkan kepada golongan sasar tetapi kerajaan berkebijakan seperti dilayangkan PH ketika dahulu tiada," katanya.



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	IT'S AN INSIDE JOB, SAYS AZMIN
MUKA SURAT	1

It's an inside job, says Azmin

THE SUN
Page-1

PETALING JAYA: PKR deputy president Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yesterday said he is convinced that the viral video which purportedly implicated him was an inside job, coming from his own party.

The economic affairs minister said it was masterminded and spread by members of PKR.

"I am convinced," he said in a news conference after witnessing the signing of a memorandum of understanding between the Selangor government in its "Rumah Idaman" affordable housing programme with developers Konsortium PCSB-MGB dan Must Ehsan Development Sdn Bhd in Shah Alam.

Azmin said the video was part of a political agenda to restrict his advancement in the government and politics.

"From the beginning, I am convinced that this is a gutter politics act and it is a cruel and wicked lie," he said.

"As such, I have taken action to clear my name (which includes filing) a qazaf (false accusation) report, police reports, and others which my lawyer will advise me. Let the police investigate.

"I think it is not fair for anyone to make a statement that will affect the investigation. Let the public judge it for themselves as the perception is getting stronger and stronger which implicates those involved in this whole conspiracy and allegation."

On the calls for him to make a "sumpah laknat" (swearing in the fact of divine retribution) to deny his involvement in the video, Azmin said this is why the qazaf report is important.

"That is why I lodged the qazaf report. There are certain processes for making it and we should let it take its course. We also have to let the police investigation to continue," he said.

When asked to comment on an Australian report that mentioned experts who had concluded that it appears to not have been digitally altered, but they could not confirm that Azmin is the man in the video, he repeated that it was not fair for any quarter to issue a statement as the case was being investigated based on the report made. – by **Elly Fazaniza**

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	AZMIN YAKIN DALANG ORANG DALAM
MUKA SURAT	16



AZMIN bercakap kepada media di Shah Alam, semalam.

Azmin yakin dalang orang dalam

Shah Alam: 'Saya yakin.' Itu respon Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ketika ditanya sama ada penularan video seks yang didakwa membabitkan dirinya didalangi 'orang dalam'.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) berkata, beliau turut yakin ia agenda politik individu tertentu yang bertujuan menyekat kemaraan prestasinya dalam kerajaan dan politik.

"Saya yakin umum melihat siapa dalangnya dan biar polis buat siasatan.

"Biar rakyat membuat hu-

kuman mengenai perkara ini dan kini terbukti semakin kuat persepsi membayangkan pihak terbabit dalam konspirasi dan tohmahan ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Hak Pembangunan antara Konsortium Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)-MGB dan Must Ehsan Development Sdn Bhd di Dewan Jubli Perak SUK di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin dan Menteri Besar Selangor Amirudin Shari.

Mohamed Azmin berkata, beliau menyatakan sedia memberi kerjasama penuh kepada polis bagi menjalankan siasatan mengenai dakwaan jahat dan kejam itu.

"Ahad lalu, saya dimaklumkan pegawai dia dihubungi polis untuk dirakamkan keterangan.

"Namun, saya ketika itu berada di Pulau Pinang untuk menghadiri beberapa program.

"Saya utamakan memberi keterangan dan berbuat demikian semalam (kelmarin)," katanya.

Ketika ditanya mengenai dakwaan video itu tidak di-

ubah secara digital, beliau berkata, sebarang kenyataan dikeluarkan mana-mana pihak dianggap tidak adil kerana siasatan sedang berjalan.

"Jika ada pihak tidak bertanggungjawab membuat kenyataan seumpama itu, ia boleh mengganggu siasatan.

"Beberapa tindakan diamal bagi membersihkan nama saya termasuk laporan polis, laporan qazaf dan tindakan lain menerusi nasihat peguam," katanya.

Mengulas cadangan supayah laknat, Mohamed Azmin berkata, ia ada proses tertentu termasuk laporan qa-

"Biar rakyat buat hukuman mengenai perkara ini Azmin"

zaf dan perlu berjalan lancar.

"Saya ambil tindakan berdasarkan nasihat peguam dan pihak yang memberi pandangan mereka.

"Kita harus membenarkan siasatan berjalan dan tidak terganggu dengan kenyataan serta tekanan kepada pihak bertanggungjawab," katanya. #Metro-m/s-16

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	MISI BANTU B40
MUKA SURAT	30

19-06-2019 HARIAN METRO

Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

Shah Alam

Konsortium PNSB Construction Sdn Bhd dan MGB Bhd (PCSB-MGB) bakal membangunkan kira-kira 1,800 unit rumah mampu milik melalui projek pembangunan Idaman Cahaya di tanah seluas 6.69 hektar yang terletak di Encorp Cahaya Alam, Selangor dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM450 juta.

Projek yang dilaksanakan dengan kerjasama Must Ehsan Development Sdn Bhd (Must Ehsan Development) iaitu anak syarikat milik penuh Encorp Berhad dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu bertujuan menyokong komitmen kerajaan negeri Selangor untuk menyediakan rumah mampu milik melalui inisiatif Rumah Idaman.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri komited untuk membina 30,000 rumah mampu milik di Selangor menjelang 2025 melalui inisiatif perumahan mampu milik terbaharu Selangor itu yang disasarkan bagi membantu kumpulan B40 di Selangor untuk memiliki rumah mampu milik berkualiti.

"Melalui Rumah Idaman ini, rakyat Selangor akan memiliki lebih banyak pilihan perumahan mampu milik berkualiti, sekali gus berupaya membantu mereka dalam meningkatkan taraf



BISNES

TEL 1-300-22-6787 **SAMB** 4979
TWITTER bisnesHM

MISI BANTU B40 #Metro m/s-30

■ **PCSB-MGB bakal bangun 1,800 unit rumah mampu milik**

hidup," katanya pada majlis menandatangani perjanjian hak pembangunan antara Konsortium PCSB-MGB dan Must Ehsan Development di sini, semalam.

Konsortium PCSB dan MGB adalah entiti yang terdiri daripada PNSB Construction Sdn Bhd dan MGB Berhad adalah anak syarikat LBS Bina Group Berhad (LBS).

Idaman Cahaya adalah projek yang melibatkan pembinaan kediaman jenis apartmen tiga bilik dan dua bilik air dengan keluasan 1,001 kaki persegi dan ditawarkan pada

harga RM250,000.

FAKTA
Idaman Cahaya adalah projek yang membabitkan pembinaan kediaman jenis apartmen

Beliau berkata, Idaman Cahaya juga bakal menawarkan kelengkapan perabot bagi setiap unit kediamannya berupa set televisyen, kabinet da-

pur, peti sejuk, penyaman udara, almari dan pemanas air.

"Projek ini akan mendapat manfaat daripada perbandaran berhampiran yang terletak di pusat koridor pembangunan Shah Alam dan kawasan kejiranannya yang pesat berkembang.

"Selain itu, ia juga memiliki akses perhubungan



“Melalui Rumah Idaman ini, rakyat Selangor akan memiliki lebih banyak pilihan perumahan mampu milik berkualiti, sekali gus berupaya membantu mereka dalam meningkatkan taraf hidup”

Amirudin Shari

yang sangat baik seperti Lebih Raya Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya Persekutuan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan MBG Berhad dan LBS, Tan Sri Lim Hock San berkata, pihaknya yakin akan membawa Rumah Idaman yang berkualiti sekali gus meningkatkan lagi penanda aras untuk perumahan mampu milik di Selangor melalui sinergi pengalaman syarikat dalam pembangunan kediaman dan komersial yang terbaik.

"Sehingga kini, LBS berjaya menyiapkan lebih 35,000 hartanah termasuk rumah mampu milik, bangunan, bandar bersepadu dan unit komersial," katanya.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	SUMBANG RM300J
MUKA SURAT	31

PENGERUSI Eksekutif I-Berhad,
Tan Sri Lim Kim Hong
menunjukkan perancangan
pembangunan kawasan segi tiga
emas selepas Mesyuarat Agung
Tahunan I-Berhad Kali ke-52.

HARIAN METRO

Alzahrin Alias
bisnes@hmetro.com.my

Shah Alam

Segmen pelaburan hartanah dan rekreasi dijangka menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan I-Bhd dalam tahun kewangan bagi tempoh lima tahun akan datang.

Syarikat pemaju hartanah itu menyasarkan sumbangan pendapatan daripada dua segmennya itu RM300 juta, berbanding ketika ini yang banyak disumbangkan oleh segmen pembangunan hartanah.

Timbalan Pengerusi I-Bhd, Datuk Eu Hong Chew berkata, kumpulan melihat potensi pertumbuhan dalam segmen itu untuk memperolehi pendapatan berulang yang berterusan.

Eu berkata, pihaknya yakin sektor pelancongan bakal terus menjadi peneraju dalam pendapatan negara selain permintaan berterusan bagi pemilikan hartanah.

Ketika ini, katanya segmen pembangunan hartanah menyumbang sekitar RM75 juta kepada kumpulan.

I-Bhd juga, katanya sudah menyiapkan sekitar 40 peratus daripada 13 juta kaki persegi kawasan yang diluluskan untuk pembangunan



■ Segmen pelaburan hartanah, rekreasi dijangka jadi penyumbang terbesar I-Bhd

di i-City, manakala sebanyak 20 peratus lagi sedang dalam pembinaan untuk projek pembangunan bercampur.

Katanya, akan berlaku pelaburan hartanah yang besar dalam lima tahun akan datang dengan matlamat untuk mengukuhkan portfolio pelaburan hartanah kami sebanyak RM1 bilion.

“Kumpulan juga merancang untuk menaik taraf tarikan dan memindahkan lokasi taman tema untuk menarik lebih banyak kemasukan pelawat serta memberikan ruang kepada pembangunan hartanah.

“I-Bhd terus komited dalam hartanah dan akan melancarkan projek bernilai RM800 juta bagi komersial (RM230 juta) dan kediaman (RM560 juta) dalam tempoh enam bulan akan datang.

“Kami terus melancarkan projek hartanah disebalik kelembapan ekonomi serta pasaran perlahan sektor hartanah ini kerana kumpulan percaya pasaran akan meningkat kerana masih terdapat permintaan,” katanya selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) I-Bhd di sini, semalam.

Eu berkata, lokasi hartanah di Shah Alam, i-City berada di kedudukan yang strategik dan berada dalam pusat segitiga emas Selangor yang berpotensi untuk dipertingkatkan.

Katanya, projek i-City dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM10 bilion akan berpertingkatkan dan memberi kesan limpahan kepada perniagaan perhotelan, runcit dan riadah.

Baru-baru ini, I-Bhd melancarkan pusat membeli-belah terbesar di i-City bernilai bernilai RM850 juta dengan 60 peratus pemilikannya dimiliki dan dikendalikan oleh Central Pattana Plc yang berpangkalan di Thailand, manakala baki 40 peratus dimiliki oleh I-Bhd.

H-Metro
m/s-31

FAKTA
Ketika ini, segmen pembangunan hartanah menyumbang sekitar RM75 juta